


- 4 Ramai _____ datang ke pesta makanan tradisional yang berlangsung di ibu negara baru-baru ini.
- A pektorja
 - B pemeriksa
 - C pendatang
 - D pengunjung

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



- 5 Ayah saya meracun pokok _____ yang tumbuh meliar di belakang rumah kerana telah membiak dengan banyak.
- A kaduk
 - B keladi
 - C pegaga
 - D setawar
- 6 Bah Undut menunjukkan cara meniup _____ untuk berburu binatang kepada pelancong.
- A panah
 - B tombak
 - C sumpitan
 - D senapang
- 7 Datuk A. Samad Said merupakan _____ yang ulung dan disegani masyarakat di negara ini.
- A sasterawan
 - B budayawan
 - C karyawan
 - D rupawan
- 8 _____ ialah pusat pentadbiran Malaysia yang baharu menggantikan Kuala Lumpur.
- A Putrajaya
 - B Cyberjaya
 - C Shah Alam
 - D Kuala Lumpur
- 9 _____ merupakan bekas pemain badminton Malaysia yang banyak mengharumkan nama negara.
- A Datuk Nicol Ann David
 - B Datuk Lee Chong Wei
 - C Datuk Dollah Saleh
 - D Shalin Zulkifli
- 10 Peserta kem itu mendengar _____ daripada Cikgu Fahrin sebelum memulakan pendakian.
- A taklimat
 - B teguran
 - C ceramah
 - D syarahan
- 11 "Jemputlah datang ke rumah saya pada _____ masa awak senang," kata Junaidah kepada Mehtaz.
- A bila-bila
 - B apa-apa
 - C siapa-siapa
 - D mana-mana
- 12 Kerja-kerja _____ parit itu dilakukan secara bergotong-royong oleh penduduk kampung untuk mengelakkan kejadian banjir.
- A pendalaman
 - B pedalaman
 - C kedalaman
 - D dalaman
- 13 Arif dan Rafiqin asyik berbual-bual di kantin sehingga _____ tidak sedar loceng sudah berbunyi.
- A dia
 - B kami
 - C kamu
 - D mereka
- 14 Fahmi terburu-buru bersiap untuk ke sekolah kerana _____ terlambat bangun.
- A dia
 - B -nya
 - C beliau
 - D mereka
- 15 _____ merupakan seorang pemimpin yang dikagumi dan disegani ramai kerana berjiwa rakyat.
- A Mereka
 - B Beliau
 - C Kalian
 - D Patik
- 16 "_____ hendaklah mengulang kaji pelajaran dari sekarang jika ingin cemerlang dalam peperiksaan," kata Cikgu Suraya kepada murid-muridnya.
- A Saya
 - B Awak
 - C Kalian
 - D mereka
- 17 "Mama, bolehkah _____ pinjam kereta mama untuk ke kolej sekejap?" tanya Amani kepada ibunya.
- A kita
 - B saya
 - C patik
 - D hamba
- 18 "Jemputlah minum dahulu sementara menunggu tuan saya balik, _____," kata pembantu rumah itu kepada Ridhwan.
- A kamu
 - B encik
 - C awak
 - D puan